

25/09/2002

Bonus dibayar dua kali (HL)

Kadir Dikoh; Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Selasa - Bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 bagi kakitangan awam yang diumumkan dalam Bajet 2003 Jumaat lalu, akan dibayar dalam dua peringkat, iaitu pada Oktober dan Disember ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan bayaran pertama bersama gaji Oktober 2002 itu bertujuan meringankan beban kakitangan awam membuat persiapan Aidilfitri manakala bayaran kedua bersama gaji Disember bagi membantu persiapan menjelang persekolahan tahun depan.

Pembayaran bonus berkenaan dianggar membabitkan kos sebanyak RM1,074 juta. Kira-kira 960,000 kakitangan awam akan menikmati bonus itu, yang tertinggi sejak 1993.

Bagaimanapun, kenyataan satu muka surat itu tidak menyebut sama ada pesara kerajaan akan turut menikmati bonus tahun ini.

Tahun lalu, pesara tidak diberi bonus tetapi kira-kira 280,000 pesara menikmati imbuhan RM200, iaitu pemberian selepas pembentangan Bajet 2002 berikutan rungutan kumpulan berkenaan. Imbuhan itu adalah tertinggi berbanding antara RM60 hingga RM100 sebelum itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat Jumaat lalu, berkata pemberian bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 itu bagi menghargai sumbangan kakitangan awam berikutan profesionalisme dan pengurusan pentadbiran cekap mereka.

Pada Bajet 2002, kerajaan memberi bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 serta kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

Sementara itu, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia merayu kerajaan memberi pesara bonus sekurang-kurangnya separuh daripada yang diterima kakitangan awam.

Presidennya, Tan Sri Abdullah Ayub, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat awal bulan depan bagi mendapatkan keputusan dan akan mengemukakan rayuan berkenaan kepada kerajaan.

Katanya, selama ini kerajaan sentiasa memberi imbuhan kepada pesara setiap kali pengumuman belanjawan dibuat dan rayuan itu bertujuan membela nasib pesara yang berjasa kepada kerajaan.

"Pesara sepatutnya tidak disisihkan daripada menikmati faedah yang diberi kakitangan kerajaan lain," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam pula menyokong pemberian bonus dalam dua peringkat dengan mengambil kira perbelanjaan bagi membuat persiapan Aidilfitri dan persekolahan anak-anak.

Beliau berkata, cara itu dapat memastikan kakitangan awam lebih berhemah dalam berbelanja.

Selain itu, katanya, Cuepacs akan mengadakan perjumpaan dengan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia esok atau lusa bagi mencari pendekatan terbaik menyelesaikan

"Seboleh-bolehnya kita akan membantu pesara mendapatkan imbuhan bagi mengurangkan beban mereka.

"Kita tidak boleh menafikan sumbangan golongan itu terhadap negara sepanjang berkhidmat dan sumbangan mereka itu boleh dibalas dengan memberi sedikit imbuhan," katanya.

